



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PENERIMAAN MSPO OLEH NVWA BELANDA PERKUKUH
KESIAPSIAGAAN INDUSTRI SAWIT MALAYSIA TERHADAP EUDR**

Kementerian Perladangan dan Komoditi menyambut baik penerimaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) oleh *Netherlands Food and Consumer Product Safety Authority* (NVWA), sebagai *Private Control System* di bawah kerangka pelaksanaan *European Union Deforestation Regulation* (EUDR).

Melalui penilaian yang telah dilaksanakan, MSPO diterima sebagai sistem jaminan pihak ketiga yang boleh menyokong penyeliaan berkaitan pematuhan EUDR. Perkara ini memperkukuh kedudukan MSPO sebagai standard nasional yang mempunyai struktur pensijilan, audit dan kawal selia yang tersusun.

Penerimaan MSPO sebagai *Private Control System* membuka ruang kepada penghantaran minyak sawit Malaysia yang mempunyai pensijilan MSPO untuk dipertimbangkan di bawah prosedur penyeliaan yang bersesuaian oleh NVWA, tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan di bawah EUDR.

Belanda mempunyai kedudukan penting dalam perdagangan minyak sawit ke pasaran Eropah, khususnya melalui Rotterdam sebagai antara pintu masuk utama komoditi pertanian ke rantau berkenaan.

Perkara ini juga tepat pada masanya memandangkan EUDR akan mula dikuatkuasakan kepada operator besar dan sederhana pada 30 Disember 2026, diikuti operator kecil pada Jun 2027.

Ia sekali gus menyokong kesiapsiagaan industri sawit negara dalam memenuhi keperluan kelestarian, kebolehkesanan dan pematuhan rangkaian bekalan di pasaran antarabangsa, termasuk melalui pelaksanaan MSPO yang turut merangkumi pekebun kecil.

Kementerian akan terus memperkukuh pelaksanaan MSPO bersama agensi berkaitan, badan pensijilan, juruaudit, pemain industri dan rakan strategik antarabangsa. Tumpuan akan diberikan kepada aspek pematuhan, audit, kebolehkesanan serta bimbingan kepada pekebun kecil dan pemain industri bagi menyokong kesiapsiagaan sektor sawit negara terhadap pelaksanaan EUDR.

Kementerian merakamkan penghargaan kepada pihak MSPO, Lembaga Pemegang Amanah, badan pensijilan, juruaudit, pemain industri, pekebun kecil dan semua pihak yang telah bersama-sama memperkukuh kedudukan MSPO sebagai standard nasional yang inklusif dan berwibawa.

Penerimaan ini memperkukuh usaha Malaysia dalam membangunkan industri sawit yang mampan, bertanggungjawab dan berdaya saing, selaras dengan keperluan pasaran antarabangsa serta kepentingan eksport komoditi negara.

DR. NORAINI AHMAD

Menteri Perladangan dan Komoditi

3 Julai 2026

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my